

# Kemuka dua cadangan jayakan Pelan Pembangunan Pendidikan

**BATU PAHAT** – Majlis Profesor Negara (MPN) dan Majlis Dekan Pendidikan Malaysia mengharapkan sekolah di negara ini boleh melahirkan pelajar yang berkemahiran, selain pendidikan guru yang perlu diperbaiki.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, dua perkara itu adalah pandangan yang akan dikemukakan pihaknya bagi membolehkan objektif Pelan Pembangunan Pendidikan dapat di-realisasikan dengan jayanya.

Katanya, pusat pengajian tinggi mendapat bekalan pelajar dari sistem pendidikan rendah dan menengah, dan ia memerlukan pelajar yang benar-benar terbaik.

“Oleh itu, dua cadangan yang dikemukakan MPN dan Majlis Dekan Pendidikan Malaysia ini adalah penting supaya sekolah mampu membekalkan pelajar yang tepat kepada keperluan universiti dan bidang yang akan diambil mereka,” katanya selepas melancarkan program pra pelancaran IM4U Outreach Centre, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),



**Mohamed Khaled (belakang, tengah) bergambar bersama MPP UTHM semasa pra pelancaran berkenaan.**

di sini, semalam.

Menurut Mohamed Khaled, pihaknya memberi pandangan mengenai dua perkara penting, agar dapat dilaksanakan supaya ia dapat melahirkan pelajar yang benar-benar bermutu setelah tamat pengajian di mana-mana institut pengajian tinggi (IPT).

“Pertamanya, kita mengharapkan pelajar di sekolah rendah dan menengah dapat dibangunkan dengan sifat dan asas kemahiran bersesuaian bagi

membolehkan mereka diajar kemahiran dan bidang lebih spesifik serta terperinci di universiti nanti.

“Keduanya, kita tekankan kepada pendidikan guru... bagaimana seorang guru perlu dididik kerana guru adalah kunci untuk melahirkan pelajar tepat untuk keperluan negara dan kita mahu pendidikan guru mengikut asas, acuan serta suasana negara yang mempunyai aspirasi menjadi negara maju,” katanya.